



EDISI 10

JUN 2023

# BULETIN APB

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS SEREMBAN



# Laporan Bengkel Persediaan Pelaksanaan Program Sarjana Muda Sains Maklumat, Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Media

**AHMAD AZMAN BIN MOHAMAD RAMLI, NOOR FARALIZA BINTI SAMSUDIN & MOHD FAIZAL BIN MOHD RAMSI**

PENGAJIAN SAINS MAKLUMAT, KOLEJ PENGKOMPUTERAN, INFORMATIK DAN MEDIA,  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS REMBAU

Pada tarikh 9 Mac 2023 hingga 10 Mac 2022, hari Khamis hingga Jumaat, bermula daripada jam 9 pagi hingga 5 petang, seramai 11 orang pensyarah daripada Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Media, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau dengan diketuai oleh Puan Noor Faraliza Binti Samsudin (Ketua Pusat Pengajian) telah menghadiri Bengkel Persediaan Pelaksanaan Program Sarjana Muda Pengajian Sains Maklumat, Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Media di Dewan Seminar Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kampus Puncak Perdana, Shah Alam, Selangor. Bengkel selama dua hari ini dianjurkan oleh Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Media, UiTM Cawangan Negeri Selangor Kampus Puncak Perdana, Shah Alam, Selangor. Pensyarah-pensyarah daripada kampus lain yang turut hadir dalam bengkel ini adalah daripada Kampus Merbok, Kedah seramai 14 orang, Kampus Segamat, Johor seramai 11 orang dan Kampus Machang, Kelantan seramai 17 orang.



Gambar: Peserta bengkel sedang mengadakan perbincangan kumpulan

Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk merangka dan menyeragam pelaksanaan kursus-kursus baru pengajian sarjana muda bagi kohort baru program CDIM 260 (Pengurusan Perpustakaan), CDIM 261 (Pengurusan Rekod), CDIM 262 (Pengurusan Sistem Maklumat) dan CDIM 263 (Pengurusan Kandungan Maklumat).

Kursus-kursus pengajian sarjana muda baru ini dijangka akan mula diajar pada pelajar-pelajar semester Mac 2023 ini.

Antara aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh para peserta di sepanjang program ini berlangsung adalah taklimat daripada pihak pengurusan kampus, perbincangan kumpulan bersama koordinator dan Resource Person serta pembentukan fail-fail kursus bagi kod-kod kursus semester 1 hingga 3. Para peserta juga telah berpeluang untuk beramah mesra dan membina hubungan kerjasama sesama mereka. Sepanjang bengkel ini berlangsung, para peserta telah disediakan sarapan pagi, makan tengah hari dan minum petang. Di akhir bengkel, semua peserta telah bergambar bersama-sama untuk tujuan kenang-kenangan pada masa hadapan.

Kesimpulannya, bengkel ini dilihat telah berjaya mencapai objektif yang ditetapkan. Hal ini adalah disebabkan setiap peserta bengkel telah memberi komitmen dan kerjasama yang terbaik sepanjang bengkel ini berlangsung. Sehubungan dengan itu, diharap Pusat Pengajian Sains Maklumat Kolej Pengkomputeran, Informatik dan Media Universiti Teknologi MARA akan berjaya menyediakan kursus-kursus baru yang mantap untuk ditawarkan kepada pelajar-pelajar pada semester yang akan datang.